

24/03/2001

Ahli Umno wajar guna semangat ukhwh selesai masalah

KOTA BHARU, Jumaat - Ahli Umno semua peringkat harus menggunakan pendekatan semangat ukhwh Islamiah bagi menyelesaikan permasalahan yang mungkin timbul dalam parti.

Sehubungan itu, ahli Umno dinasihatkan tidak mudah terpengaruh dakyah pihak tertentu yang cuba melaga-lagakan mereka supaya berlaku perbalahan sesama sendiri, khususnya ketika proses pemilihan peringkat bahagian berjalan sekarang.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata faktor itu perlu diambil kira kerana jika tidak disedari, ia mungkin boleh membawa perpecahan, sekali gus melemahkan parti.

"Ini soal Umno, patut diselesaikan cara Umno. Tidak patut ada pihak di luar parti terbabit. Saya tidak mahu menyebut sesiapa, tetapi pada saya selain orang Umno, mereka di luar tidak sepatutnya terbabit.

"Ahli Umno tidak seharusnya menjadikan orang luar sebagai alasan kepada berlakunya perbalahan dan perpecahan dalaman," katanya selepas majlis penyampaian sijil penurunan kuasa undang-undang yang dikuatkuasakan Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas dakwaan ahli peringkat akar umbi kononnya ada pihak tertentu termasuk parti pembangkang cuba memerangkap ahli Umno supaya berbalah sesama sendiri ketika proses pemilihan cawangan dan bahagian sedang berjalan sekarang.

Katanya, apa yang penting ahli parti perlu lebih bertanggungjawab bukan saja kepada parti tetapi agama, bangsa dan negara selain bersatu menguatkan parti bagi menghadapi pilihan raya.

Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, nasihat Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai etika pemilihan harus dipatuhi.

"Presiden Umno sudah banyak kali bercakap mengenai perkara ini. Sekiranya mana-mana pihak gagal mengelak pertandingan, mereka boleh bertanding... tetapi biarlah atas semangat demokrasi.

"Adalah malang kalau ada ahli Umno tidak boleh menerima nasihat dan memikirkan kepentingan sendiri sehingga membelakangkan etika parti," katanya.

Beliau berkata, sepatutnya ahli parti mengamalkan budaya politik sihat kerana dengan cara itu boleh memulihkan imej parti.

"Saya tidak nampak Umno dapat meningkatkan sokongan dan keyakinan rakyat sekiranya masalah berkenaan (tidak mematuhi peraturan) terus berlaku," katanya.

Ditanya pertemuan Umno-Pas bagi membincangkan perpaduan Melayu, Muhyiddin berkata, Pas sepatutnya mengetepikan syarat yang ditetapkan itu.

Katanya, apa yang penting sekarang Pas duduk semeja terlebih dahulu dengan Umno, sebelum membincangkan mengenai syarat.

(END)